

**Subsidi petrol bersasar 1 Januari**

Kadar PSP ditetapkan kerajaan adalah RM30 sebulan bagi kereta dan RM12 sebulan bagi motosikal.  
(Foto hiasan)

# 2.9 juta penerima BSH nikmati manfaat

Inisiatif kurang beban kos sara hidup isi rumah berpendapatan bawah RM4,000

Oleh Petah Wazzan Iskandar dan Suhaila Shahrul Annur  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

**Putrajaya:** Kira-kira 2.9 juta penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) di Semenanjung akan menerima manfaat daripada Program Subsidi Petrol (PSP) yang akan bermula 1 Januari tahun depan.

PSP akan membabitkan tanggungan kerajaan sebanyak RM65.4 juta sebulan bagi petrol RON95.

Menyatakan di Putrajaya semalam, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata program berkenaan akan mengurangkan beban kos sara hidup isi rumah berpendapatan RM4,000 ke bawah serta golongan orang kurang upaya (OKU) yang memiliki kenderaan.

"Kadar subsidi adalah sebanyak RM30 sebulan bagi kereta dan RM12 sebulan bagi motosikal," katanya pada sidang media mengenai PSP di sini semalam.

Bagi rakyat di Sabah, Sarawak

dan Labuan pula, Saifuddin Nasution berkata, mereka akan menikmati subsidi petrol secara penuh iaitu pada harga runcit semasa RM2.08 seliter setelah kerajaan mengambil kira keperluan mereka yang kebanyakannya menggunakan kenderaan berkapasiti enjin besar dan disel.

"Oleh itu, rakyat Sabah, Sarawak dan Labuan dikecualikan daripada pelaksanaan PSP dan pengapungan harga jualan runcit petrol RON95," katanya.

Beliau berkata kelayakan subsidi hanya membabitkan sebuah kenderaan yang memiliki kadar subsidi tertinggi iaitu RM30 sebulan bagi kereta dan RM12 bagi motosikal.

Katanya, bayaran akan dilakukan setiap empat bulan sekali dengan cara dikreditkan ke dalam akaun penerima pada suku pertama tahun 2020 dengan jumlah subsidi bagi tempoh empat bulan iaitu Januari hingga April 2020.

**Harga RON95 akan diapung dan penyelarasan harga dilakukan secara beransur-ansur.**

**Saifuddin Nasution Ismail, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna**

## Program Subsidi Petrol (PSP)

### Kriteria kelayakan pemilik kenderaan

- 1. Kereta **1,600cc** ke bawah
- 2. Kereta melebihi **1,600cc** berusia **10 tahun** ke atas
- 3. Motosikal **150cc** ke bawah
- 4. Motosikal **150cc** ke atas berusia lebih **7 tahun**



### Kadar Subsidi

**Kereta RM30**  
sebulan

**Motosikal RM12**  
sebulan



### Perincian individu yang layak

1 kereta »		873,407
1 kereta + 1 motosikal »		406,669
2 motosikal + 1 kereta »		121,461
2 kereta »		172,056
2 kereta + 1 motosikal »		105,028
2 kereta + 2 motosikal »		44,439
1 motosikal »		949,431
2 motosikal »		189,981
<b>Jumlah</b>		<b>2,862,472</b>

PSP dikhatusukan kepada penerima BSH yang memiliki kenderaan mengikut kriteria ditetapkan seperti beralamat di Semenanjung dan cukai jalan masih hidup.

"Bagi salah satu kriteria kapasiti enjin kenderaan adalah kereta di bawah 1,600cc, kereta lebih 1,600cc yang berusia lebih 10 tahun manakala motosikal kurang 150cc dan motosikal lebih 150cc yang berusia lebih tujuh tahun

Saifuddin Nasution berkata, harga petrol RON95 akan dikalkan pada RM2.08 seliter sehingga 31 Disember ini.

Selepas itu katanya, harga petrol RON95 akan diapungkan secara berperingkat sehingga setara dengan harga pasaran bermula 2020.

"Harga RON95 akan diapung dan penyelarasan harga dilakukan secara beransur-ansur manakala buat masa ini, subsidi di-

buat mengikut harga mingguan," katanya.

Beliau berkata, subsidi tidak akan diberikan sekiranya harga petrol RON95 berada di bawah RM2 seliter kerana objektif subsidi adalah untuk membantu rakyat apabila harga petrol tinggi.

Ditanya sama ada golongan M40 turut akan menikmati subsidi petrol, Saifuddin Nasution berkata, beliau akan membawa cadangan supaya PSP dapat dikembangkan kepada golongan M40.

Katanya status kelayakan penerima PSP boleh disemak melalui portal psp.kpdnhep.gov.my bermula 15 Oktober ini.

"Permohonan rayuan dibuka kepada penerima BSH yang tidak disenaraikan. Kategori rayuan merangkumi pengemaskinian pemilikan kenderaan atau alamat," katanya.